

Disiplin Terjaga, Jenayah Dijauhi Melahirkan Sahsiah Terpuji



Labuan, 17 September

2019- SK Pekan Satu telah

mengadakan Program Disiplin kepada semua murid tahap dua bertempat di dewan

C.U.N. Guru Besar Sk Pekan Satu Puan Anita mengucapkan ribuan terima kasih yang

tidak terhingga kepada penceramah jemputan iaitu Pengawai Perhubungan Polis Sk

Pekan Satu, Tuan Amy Dazni bin Danial dan menasihatkan agar murid-murid

memberikan tumpuan yang jitu terhadap isi ceramah yang akan disampaikan supaya

ianya dapat membantu murid-murid meneruskan kehidupan pada masa akan datang

tanpa terjebak dengan kes jenayah. Sentuhan ceramah Tuan Amy Dazni yang

membicarakan topik "*Disiplin terjaga,*

jenayah dijauhi melahirkan sahsiah terpuji" memukau

suasana dewan seketika serta,
berjaya menyentuh jiwa dan sanubari semua yang hadir
terutama di kalangan
murid-murid tahap dua. Program disiplin ini sejukurnya
memberikan impak yang
positif serta kesan yang mendalam terutama apabila
disentuh mengenai kes salah
laku yang begitu sinonim berlaku dikalangan murid seperti
kes buli, ponteng
sekolah, vandalisme dan sebagainya.

Mengukuhkan lagi intipati ceramah yang disampaikan oleh
Tuan Amy Dazni tayangan video berkisarkan beberapa
hukuman yang dikenakan kepada murid-murid sekolah yang
didapati melakukan jenayah. Contohnya murid-murid yang
terjebak dengan kes buli akan diberikan kaunseling serta
bimbingan disiplin berterusan. Jika didapati kes murid
semakin serius maka tindakan lanjut akan diambil iaitu
murid yang terlibat akan dihantar ke sekolah pemulihan
akhlak agar mereka mendapat bimbingan disiplin dan
sahsiah dengan lebih baik.

Tuan Amy Dazni juga
menyatakan bahawa, "Murid-murid pada masa kini bukan
hanya terjebak dengan kes ponteng
sekolah, vandalisme dan buli tetapi ramai dikalangan
murid sekolah sudah yang
berani berjinak-jinak dengan jenayah yang lebih ekstrem
seperti jual beli
dadah, salah laku seks, membunuh, menyertai kumpulan
kongsi gelap dan militant".
"Tidak dinafikan bahawa penglibatan murid sekolah dalam
kes-kes jenayah ekstrem
seumpama ini adalah didorong oleh ledakan kecanggihan
teknologi dunia secara
global tanpa adanya sekatan penggunaan media sosial yang
merupakan penyumbang

terbesar kepada keruntuhan dan kebejatan akhlak generasi muda masa kini,” katanya lagi.

Diakhir ceramah yang disampaikan oleh Tuan Amy Dazni, beliau mengingatkan sekali lagi bahawa kebijaksanaan murid-murid dalam menelesuri kecangihan dunia teknologi ke arah yang positif sahaja pada hari ini adalah sangat penting dalam memartabatkan disiplin murid itu sendiri. Selain itu menurut beliau juga, ibu bapa merupakan organisasi yang harus memainkan peranan utama dalam menyekat atau menghadkan eksplorasi anak-anak ke alam dunia teknologi rencam dan ibu bapa harus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan disiplin anak-anak dalam sebuah institusi keluarga.



Guru Besar Sk Pekan Satu Puan Anita menyerahkan

cenderakenangan kepada Pengawai Perhubungan Polis Sekolah, Tuan Amy Dazni bin Danial, disaksikan oleh Penolong Kanan HEM, Puan Normah Rahimi

Encik Awang Iskandar

Bin Awang Ismail selaku penyelaras program mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Tuan Amy Dazni, guru-guru dan murid-murid kerana memberi kerjasama yang

jitu bagi mejayakan majlis ini. Selain itu, Encik Awang Iskandar juga berharap

dengan kerjasama rapat antara pihak sekolah dan Pegawai Perhubungan Sekolah

(PPS) terdiri daripada pegawai polis menjadi mekanisme terbaik untuk mencegah

pembabitan murid-murid dalam penyalahgunaan dadah dan kegiatan jenayah yang

bersifat ekstrem pada masa akan datang.